



KESEDIAAN GURU PENDIDIKAN ISLAM TERHADAP PENDEKATAN TERBEZA DALAM PENGAJARAN PENDIDIKAN ISLAM DI SEKOLAH MENENGAH, KUALA LUMPUR

[**TEACHERS' READINESS TOWARDS DIFFERENT APPROACHES IN
THE TEACHING OF ISLAMIC EDUCATION IN SECONDARY
SCHOOLS, KUALA LUMPUR.]**

LIZA SALLEH¹ & MOHD ISA HAMZAH^{1*}

^{1*} Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor MALAYSIA.
Email: p121317@siswa.edu.ukm.my; isa_hamzah@ukm.edu.my

Corespondent Email: isa_hamzah@ukm.edu.my

Received: 1 May 2024

Accepted: 15 May 2024

Published: 14 June 2024

Abstrak: Kajian ini bertujuan untuk mengkaji tahap kesediaan guru Pendidikan Islam terhadap Pendekatan Terbeza dalam pengajaran Pendidikan Islam di wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL). Kajian ini adalah kajian kuantitatif menggunakan reka bentuk kaedah tinjauan yang menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen kajian yang ditadbir melalui *google form*. Pengkaji menentukan pemilihan sampel kajian dengan menggunakan teknik pensampelan rawak mudah. Seramai 227 guru Pendidikan Islam dipilih sebagai responden kajian. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pengetahuan pelaksanaan, pengetahuan objektif, kemahiran pelaksanaan, kemahiran pertimbangan profesional dan faktor persekitaran Sumber bahan guru Pendidikan Islam dalam WPKL adalah tinggi. Oleh yang demikian pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) perlu memberi pendedahan meluas melalui bengkel, kursus, latihan dan sebagainya agar pengetahuan Pendekatan Terbeza dapat dikuasai oleh guru Pendidikan Islam dan mengaplikasinya dalam pengajaran mereka di dalam bilik darjah.

Kata kunci: Pendekatan Terbeza, kepelbagaiannya murid, Guru Pendidikan Islam.

Abstract: This study aims to examine the readiness level of Islamic Education teachers towards the Differentiated Approach in teaching Islamic Education in the Federal Territory of Kuala Lumpur (WPKL). This research adopts a quantitative approach utilizing a survey design employing a questionnaire as the research instrument administered through Google Forms. The researcher determines the sample selection through a simple random sampling technique with a systematic random technique. The findings of the study indicate that the knowledge of implementation, objective knowledge, implementation skills, professional judgment skills, and the environmental factors of Islamic Education teachers' instructional resources in WPKL are high. Therefore, the Ministry of Education (KPM) should provide extensive exposure through workshops, courses, training, and similar activities to ensure that teachers of Islamic Education acquire knowledge of the Differentiated Approach and apply it in their classrooms..

Keywords: Differentiated Approach, Student Diversity, Islamic Education teachers

Cite This Article:

Liza Salleh & Mohd Isa Hamzah. 2024. Kesediaan Guru Pendidikan Islam Terhadap Pendekatan Terbeza dalam Pengajaran Pendidikan Islam di Sekolah Menengah, Kuala Lumpur [Teachers' Readiness Towards Different Approaches in the teaching of Islamic Education in Secondary Schools, Kuala Lumpur]. *QALAM International Journal of Islamic and Humanities Research*. 4(2), 26-39.

PENGENALAN

Kepelbagaiannya seseorang memerlukan pendekatan yang dinamik bagi memastikan pengajaran yang hendak disampaikan boleh diterima oleh semua murid. Guru perlu bijak dan kreatif memilih pendekatan yang menepati dengan keupayaan dan minat murid-murid bagi membantu mereka membina konsep dan pengetahuan baharu dalam pembelajaran. Guru juga perlu membuat pertimbangan struktur kognitif murid-murid (Voon, S. H. dan Amran, M. S., 2021). Guru sebagai penyampai maklumat perlu meraikan kepelbagaiannya setiap murid yang terlibat dalam sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP). Kepelbagaiannya murid dapat diraikan melalui satu pendekatan pengajaran yang lebih fleksibel, iaitu Pendekatan Terbeza (PT). Pendekatan ini merupakan pendekatan kontemporari yang diterapkan dalam Pembelajaran Abad ke-21 yang bertujuan untuk menyelesaikan pelbagai keperluan murid di dalam bilik darjah (Zuraidah et al., 2023). Bukan itu sahaja, PT juga dapat meningkatkan penguasaan kemahiran berfikir aras tinggi murid, dapat meningkatkan motivasi, kepuasan dan keupayaan murid dalam pembelajaran seterusnya dapat meningkatkan pencapaian akademik murid (Tomlinson et al., 1999; Zamri et al., 2015; Geviana Cladysha et al., 2021).

Namun begitu, masih terdapat masalah yang dihadapi oleh guru dalam kesediaan menjalankan PT dalam pengajaran Pendidikan Islam (PI) di sekolah. Antara masalah yang sering dilaporkan oleh guru adalah kesukaran dalam merancang dan melaksanakan aktiviti PdP yang sesuai dengan kepelbagaiannya murid, kekurangan bahan bantu mengajar dan alat bantu mengajar yang bersesuaian, serta kurangnya sokongan daripada pentadbiran sekolah dan ibu bapa (Rosnani et al., 2022). Kajian oleh Jessica Michael & Zamri Mahamod (2023), masalah-masalah ini boleh menjelaskan keberkesanannya PT dalam pengajaran untuk meningkatkan pencapaian akademik dan motivasi murid. Terdapat jurang yang besar dalam melaksanakan PT dalam PI, antaranya adalah kurangnya pemahaman dan pengetahuan yang mencukupi di kalangan guru Pendidikan Islam (GPI) mengenai konsep dan kaedah pengajaran terbeza dalam konteks pendidikan Islam. Hal ini dapat menjadikan pendekatan terbeza sulit untuk dilaksanakan dengan efektif (Zurina Mustaffa et al., 2021). Dengan itu, objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti kesediaan GPI terhadap pengetahuan pelaksanaan PT merangkumi pengetahuan konsep, pengetahuan objektif, kemahiran pelaksanaan PT, kemahiran pertimbangan profesional, mengenal pasti faktor persekitaran yang mempengaruhi pelaksanaan PT. Seterusnya, pengkaji ingin melihat hubungan antara pengalaman mengajar guru dengan faktor persekitaran dalam melaksanakan PT dalam pengajaran PI di sekolah menengah.

PENYATAAN MASALAH

Pendekatan Terbeza dalam pengajaran adalah salah satu kaedah yang diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk memenuhi keperluan dan keupayaan murid

yang berbeza dalam bilik darjah. Pendekatan ini membolehkan guru menyesuaikan isi kandungan, proses pengajaran dan pembelajaran, serta produk penilaian mengikut profil pembelajaran murid. Terdapat beberapa masalah yang dihadapi oleh guru dalam kesediaan melaksanakan pendekatan terbeza di sekolah. Antara masalah yang sering dilaporkan oleh guru adalah kesukaran dalam merancang dan melaksanakan aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang sesuai dengan kepelbagaian murid, kekurangan bahan bantu mengajar dan alat bantu mengajar yang bersesuaian, serta kurangnya sokongan daripada pentadbiran sekolah dan ibu bapa (Ahmad, Sani et al., 2023).

Berdasarkan kajian Michael, J., & Mahamod, Z. (2023), masalah-masalah ini boleh menjelaskan keberkesanan pendekatan terbeza dalam meningkatkan pencapaian akademik dan motivasi murid. Terdapat jurang yang besar dalam melaksanakan PT dalam pendidikan Islam, antaranya adalah kurangnya pemahaman dan pengetahuan yang mencukupi di kalangan guru Pendidikan Islam (GPI) mengenai konsep dan kaedah PT dalam konteks pendidikan Islam. Selain pemahaman yang kurang, sumber yang terhad dan kekurangan latihan dalam PT dalam pendidikan Islam juga menjadi cabaran. Sering kali, sekolah khususnya tidak mempunyai peralatan, bahan bantu mengajar, atau ruang yang mencukupi untuk menjalankan pengajaran terbeza secara efektif.

OBJEKTIF

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap kesediaan GPI dalam melaksanakan Pendekatan Terbeza sekolah menengah, mengenal pasti tahap faktor persekitaran GPI terhadap pelaksanaan Pendekatan Terbeza sekolah menengah serta mengenal pasti hubungan antara pengalaman mengajar GPI dengan faktor persekitaran dalam melaksanakan Pendekatan Terbeza sekolah menengah

METODOLOGI

Kajian ini adalah kajian kuantitatif menggunakan reka bentuk kaedah tinjauan yang menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen kajian yang ditadbir melalui *google form*. Populasi dalam kajian ini merujuk kepada Guru Pendidikan Islam (GPI) yang mengajar di Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur.(WPKL). Pengkaji menentukan pemilihan sampel kajian dengan menggunakan teknik pensampelan rawak mudah. Pengkaji memilih 50 daripada 97 buah sekolah menengah kebangsaan dalam wilayah persekutuan Kuala Lumpur bagi mencukupkan bilangan sampel yang diperlukan. Berdasarkan data yang diperolehi daripada Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan bahagian Pendidikan Islam, GPI di wilayah Kuala Lumpur berjumlah 574 orang (Nuraini, 2023). Oleh yang demikian, merujuk kepada jadual Krejcie dan Morgan (1970) saiz sampel yang diperlukan untuk mewakili populasi GPI adalah seramai 227. Kajian ini melihat kesediaan GPI terhadap pengetahuan pelaksanaan PT, pengetahuan objektif, kemahiran pelaksanaan, faktor persekitaran yang mempengaruhi pelaksanaan PT seterusnya hubungan antara pengalaman mengajar dengan faktor persekitaran. Dalam kajian ini, soal selidik diadaptasi dengan merujuk kepada tiga konstruk utama, kesediaan GPI terhadap PT, kemahiran pelaksanaan PT dan faktor persekitaran pelaksanaan PT.

DAPATAN KAJIAN

Analisis data dalam kajian ini melibatkan peratusan dan kekerapan bagi jantina dan pengalaman kerja GPI. Dapatkan menunjukkan bilangan responden mengikut demografi yang terdiri daripada jantina dan pengalaman kerja. Responden lelaki seramai 25 orang (11%), manakala responden perempuan pula seramai 202 orang (89%). Seterusnya, demografi pengalaman kerja mendapati seramai 44 orang (19.4%) yang mengajar selama 1 hingga 5 tahun, 32 orang (14.1%) yang bekerja selama 6 hingga 10 tahun. Kemudian diikuti oleh pengalaman mengajar 11 hingga 15 tahun seramai 47 orang (20.7%), 35 orang (15.4%) yang berkhidmat 16 hingga 20 tahun dan akhir sekali adalah responden yang mengajar 21 tahun dan ke atas seramai 69 orang atau (30.4%). Dapatkan yang diperolehi menunjukkan jantina responden perempuan melebihi jantina responden lelaki. Seterusnya, bagi pengalaman kerja pula data yang diperolehi menunjukkan pengalaman mengajar responden yang paling tinggi adalah selama 21 tahun ke atas. Manakala, bilangan pengalaman mengajar responden yang paling rendah antara 6 hingga 10 tahun dan ke atas. Dapatkan ini menunjukkan terdapat tempoh pengalaman mengajar yang berbeza-beza dalam kalangan GPI bagi kajian ini. Julat kebolehpercayaan bagi dimensi dan sub-dimensi bagi kesediaan dan faktor persekitaran dalam kalangan guru Pendidikan Islam dalam melaksanakan PT di sekolah menengah di wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur, adalah berada di antara 0.82 hingga 0.92. Manakala Cronbach Alfa bagi keseluruhan kesediaan adalah 0.93 (19 item) dan faktor persekitaran 0.80 (13 item). Maka, jadual Cronbach Alfa di atas menunjukkan bahawa instrumen yang digunakan mempunyai kebolehpercayaan Sangat baik dan efektif dengan tahap konsistensi yang tinggi.

a. Tahap Kesediaan GPI dalam Melaksanakan Pendekatan Terbeza dari Aspek Pengetahuan Pelaksanaan

Analisis deskriptif dijalankan untuk mengenal pasti tahap Kesediaan GPI terhadap pelaksanaan PT. Jadual 9 menunjukkan keempat-empat sub-dimensi pengetahuan iaitu pengetahuan pelaksanaan PT (4.25), pengetahuan objektif (4.23), kemahiran pelaksanaan (4.00), kemahiran pertimbangan profesional (3.67). Secara keseluruhannya tahap kesediaan GPI dalam melaksanakan PT dari aspek pengetahuan ($\text{min}=4.25$, SP 0.53), adalah berada pada tahap yang tinggi.

i. Pengetahuan Pelaksanaan Pendekatan Terbeza

Jadual 1 menunjukkan hasil kajian min item pengetahuan pelaksanaan PT adalah berada di antara 4.14 hingga 4.36. Ini dapat diringkaskan bahawa item B2 iaitu Pihak sekolah bertanggungjawab memberi pendedahan terhadap kepentingan PT mencatatkan min yang tertinggi ($\text{min} = 4.36$, SP = 0.58), manakala item B1 iaitu konsep PT pula mencatatkan min yang terendah ($\text{min} = 4.14$, SP = 0.73). Secara keseluruhannya menunjukkan bahawa skor pengetahuan pelaksanaan PT ($\text{min} = 4.25$, SP = 0.53) dalam kalangan guru Pendidikan Islam (GPI) dalam melaksanakan Pendekatan Terbeza(PT) di sekolah menengah di daerah wilayah Persekutuan , Kuala Lumpur adalah berada pada tahap yang tinggi.

Jadual 1 Pengetahuan pelaksanaan Pendekatan Terbeza

No	Pernyataan	STS	TS	KS	S	SS	Min	SP
B1	Saya tahu konsep Pendekatan Terbeza.	4 (1.8%)	4 (0.9%)	17 (7.7%)	140 (61.7%)	64 (28.2%)	4.14	0.73
B2	Saya tahu pihak sekolah bertanggungjawab memberi pendedahan terhadap kepentingan PT	1 (0.4%)	1 (0.4%)	4 (1.8%)	131 (57.7%)	90 (39.6%)	4.36	0.58
B3	Saya tahu pihak sekolah perlu mempelbagaikan latihan terhadap pelaksanaan PT	2 (0.9%)	1 (0.4%)	5 (2.2%)	138 (60.8%)	81 (35.7%)	4.30	0.62
B4	Saya tahu PT mengambil kira elemen kandungan, bahan, produk dan persekitaran	2 (0.9%)	1 (0.4%)	4 (1.8%)	139 (61.2%)	80 (35.2%)	4.31	0.62
B5	Saya tahu PT adalah kaedah alternatif meraikan kepelbagaian tahap murid	2 (0.9%)	1 (0.4%)	10 (4.4%)	141 (62.1%)	73 (32.2%)	4.24	0.63
B6	Saya tahu bagaimana langkah-langkah melaksanakan PT semasa proses PdP	3 (1.3%)	8 (3.5%)	9 (4.0%)	131 (57.7%)	75 (33.0%)	4.19	0.78
		Jumlah Keseluruhan					4.25	0.53

ii. Pengetahuan Objektif

Jadual 2 menunjukkan hasil kajian min item pengetahuan objektif adalah berada di antara 4.17 hingga 4.28. Ini dapat diringkaskan bahawa item B7 iaitu Objektif PdPc perlu mempertimbangkan kepelbagaian tahap murid dengan berpandukan DSKP. mencatatkan min yang tertinggi (min = 4.28, SP = 0.73), manakala item B9 iaitu Menyesuaikan objektif pengajaran bersesuaian dengan tahap kognitif, afektif dan psikomotor murid, pula mencatatkan min yang terendah (min = 4.17, SP 11 = 0.61). Secara keseluruhannya menunjukkan bahawa skor pengetahuan objektif (min = 4.24, SP= 0.60) dalam kalangan guru Pendidikan Islam (GPI) dalam melaksanakan Pendekatan Terbeza di sekolah menengah di daerah wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur adalah berada pada tahap yang tinggi.

Jadual 2: Pengetahuan objektif

No	Pernyataan	STS	TS	KS	S	SS	Min	SP
B7	Saya tahu objektif PdPc perlu mempertimbangkan kepelbagaian tahap murid dengan berpandukan DSKP	3 (1.3%)	5 (2.2%)	4 (1.8%)	129 (56.8%)	85 (37.4%)	4.28	0.73

	Saya tahu PT menjelmakan sifat keadilan guru semasa merancang persiapan	3	5	6	129	82	4.27	0.74
B8	Rancangan Pengajaran Harian (RPH) berasaskan elemen Pengajaran Terbeza (kandungan, bahan, produk dan persekitaran)	(1.3%)	(2.2%)	(2.6%)	(56.8%)	(36.1%)		
	Saya tahu menyesuaikan objektif pengajaran bersesuaian dengan tahap kognitif, afektif dan psikomotor murid	1	2	15	149	60	4.17	0.61
B9		(0.4%)	(0.9%)	(6.6%)	(65.6%)	(26.4%)		
	Jumlah Keseluruhan						4.24	0.60

iii. Kemahiran Pelaksanaan

Jadual 3 menunjukkan hasil kajian min item kemahiran pelaksanaan adalah berada di antara 4.07 hingga 4.41. Ini dapat diringkaskan bahawa item B16 iaitu “Memberikan gred terhadap hasil kerja murid sama ada secara individu atau berkumpulan.” mencatatkan min yang tertinggi (min = 4.41, SP = 0.68), manakala item B10 iaitu Mengawal penglibatan murid berdasarkan objektif pengajaran yang mengambil kira kepelbagaian tahap murid, pula mencatatkan min yang terendah (min = 4.07, SP = 0.65). Secara keseluruhannya menunjukkan bahawa skor kemahiran penaksiran (min = 4.18, SP = 0.54) dalam kalangan guru Pendidikan Islam (GPI) dalam melaksanakan PT di sekolah menengah di wilayah persekutuan Kuala Lumpur adalah berada pada tahap yang tinggi.

Jadual 3 Kemahiran pelaksanaan

No	Pernyataan	STS	TS	KS	S	SS	Min	SP
B10	Saya mahir mengawal penglibatan murid berdasarkan objektif Pengajaran yang Mengambil kira kepelbagaian tahap murid	2 (0.9%)	4 (1.8%)	17 (7.5%)	158 (69.6%)	46 (20.3%)	4.07	0.65
B11	Saya mahir mengaplikasikan PT bagi meningkatkan kreativiti pengajaran dalam kelas	0 (0.00%)	4 (1.8%)	24 (10.6%)	146 (64.3%)	53 (23.3%)	4.09	0.63
B12	Saya mahir melaksanakan PT secara berkala mengikut kesesuaian objektif pengajaran yang telah dirancang	0 (0.00%)	3 (1.3%)	20 (8.8%)	147 (64.8%)	57 (25.1%)	4.14	0.61
B13	Saya mahir mempelbagaikan Pt seperti lembaran kerja, teknik penyoalan lisan dan lain-lain	1 (0.4%)	2 (0.9%)	25 (11.0%)	141 (62.1%)	58 (25.6%)	4.11	0.65

B14	Saya mahir menyesuaikan pembinaan instrumen taksiran dengan Standard Prestasi yang hendak ditaksir	1 (0.4%)	3 (1.3%)	19 (8.4%)	144 (63.4%)	60 (26.4%)	4.140.65
B15	Saya mahir merujuk DSKP untuk menentukan tahap penguasaan murid bergantung kepada tahap penguasaan yang hendak di taksir.	2 (0.9%)	1 (0.4%)	14 (6.2%)	117 (51.5%)	92 (40.5%)	4.320.69
B16	Saya mahir memberikan gred terhadap hasil kerja murid sama ada secara individu atau berkumpulan	1 (0.4%)	3 (1.3%)	10 (4.4%)	102 (44.9%)	111 (48.9%)	4.410.68
Jumlah Keseluruhan							4.180.54

iv. Kemahiran pertimbangan profesional

Jadual 4 menunjukkan hasil kajian min item kemahiran pertimbangan profesional adalah berada di antara 4.15 hingga 4.20. Ini dapat diringkaskan bahawa item B19 iaitu Mengenal pasti kekuatan dan potensi murid melalui pengalaman mengajar di samping mencatatkan min yang tertinggi (min= 4.20, SP = 0.59), manakala item B18 iaitu Membuat pertimbangan berdasarkan prestasi murid dalam aktiviti PdP, ujian atau latihan yang diberikan pula mencatatkan min yang terendah (min = 4.15, SP = 0.57). Secara keseluruhannya menunjukkan bahawa skor kemahiran pertimbangan profesional (min = 4.17, SP = 0.51) dalam kalangan guru Pendidikan Islam (GPI) dalam melaksanakan PT di sekolah menengah di wilayah persekutuan Kuala Lumpur adalah berada pada tahap yang tinggi.

Jadual 4 Kemahiran pertimbangan profesional

No	Pernyataan	STS	TS	KS	S	SS	Min SP
B17	Saya mahir membuat pertimbangan berdasarkan pemerhatian, perbincangan dua hala, soal jawab dan lain-lain yang bersesuaian	1 (0.4%)	1 (0.4%)	19 (8.4%)	145 (63.9%)	61 (26.9%)	4.160.62
B18	Saya mahir membuat pertimbangan berdasarkan prestasi murid dalam aktiviti PdP, ujian atau latihan yang diberikan	0 (0.00%)	2 (0.9%)	17 (7.5%)	152 (67.0%)	56 (24.7%)	4.150.57
B19	Saya mahir mengenal pasti kekuatan dan potensi murid melalui pengalaman mengajar di samping taksiran yang berterusan	1 (0.04%)	1 (0.04%)	13 (5.7%)	14 8(65.2%)	64 (28.2%)	4.200.59
Jumlah Keseluruhan							4.170.51

b. Tahap faktor persekitaran Terhadap Pelaksanaan Pendekatan Terbeza

Jadual 5 menunjukkan kedua-dua sub-dimensi faktor persekitaran iaitu beban tugas (3.61) dan sumber bahan (4.00). Secara keseluruhannya faktor persekitaran terhadap pelaksanaan PT GPI dalam melaksanakan PT adalah ($\text{min}=3.76$, $\text{SP}=0.47$) berada pada tahap sederhana tinggi.

Jadual 5 Tahap faktor persekitaran terhadap pelaksanaan Pendekatan Terbeza

	Min	Sp	Tahap
Beban Tugas	3.61	0.76	Sederhana tinggi
Sumber bahan	4.00	0.46	Tinggi
Jumlah Keseluruhan	3.76	0.47	Sederhana tinggi

c. Tahap Faktor Persekitaran GPI dari Aspek Beban Tugas

Hasil kajian menunjukkan min item beban tugas adalah berada di antara 3.45 hingga 4.21. Ini dapat diringkaskan bahawa item C1 iaitu Penyediaan dokumentasi berkaitan hal pengurusan pentadbiran membebankan saya mencatatkan min yang tertinggi ($\text{min} = 4.21$, $\text{SP} = 0.57$), manakala item C9 iaitu Tugas sebagai guru penasihat persatuan/kelab menganggu fokus terhadap PT, pula mencatatkan min yang terendah ($\text{min} = 3.45$, $\text{SP} = 1.10$). Secara keseluruhannya menunjukkan bahawa skor beban tugas ($\text{min} = 3.65$, $\text{SP} = 0.76$) dalam kalangan guru Pendidikan Islam (GPI) dalam melaksanakan PT di sekolah menengah di wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur adalah berada pada tahap yang sederhana tinggi.

d. Tahap Faktor Persekitaran GPI dari Aspek Sumber bahan

Hasil kajian menunjukkan min item sumber bahan adalah berada di antara 3.81 hingga 4.12. Ini dapat diringkaskan bahawa item C26 iaitu Setuju mempelbagaikan bahan mengajar dapat meningkatkan prestasi setiap murid mencatatkan min yang tertinggi ($\text{min} = 4.12$, $\text{SP} = 0.55$), manakala item C28 iaitu sentiasa mempelbagaikan bahan pengajaran mengikut kepelbagaian murid di dalam kelas pula mencatatkan min yang terendah ($\text{min} = 3.81$, $\text{SP} = 0.65$). Secara keseluruhannya menunjukkan bahawa skor sumber bahan ($\text{min} = 4.00$, $\text{SP} = 0.46$) dalam kalangan guru Pendidikan Islam (GPI) dalam melaksanakan PT di sekolah menengah di wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur adalah berada pada tahap yang sederhana tinggi.

Hubungan Antara Faktor Persekitaran dengan Pengalaman Mengajar Guru dalam Melaksanakan Pendekatan Terbeza

Ho5 Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara hubungan antara pengalaman mengajar dengan faktor persekitaran dalam melaksanakan Pendekatan Terbeza sekolah menengah. Hasil kajian seperti yang dipaparkan dalam Jadual 17 menunjukkan terdapat tidak terdapat hubungan signifikan antara faktor persekitaran dari aspek beban tugas ($r = 0.06$, $p > 0.05$) dan sumber

bahan ($r=-1.10$, $p > 0.05$) dengan pengalaman mengajar guru Pendidikan Islam ($r=0.37$, $p > 58$). Dengan itu H_0 gagal ditolak. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pengalaman mengajar guru Pendidikan Islam dalam melaksanakan PT sekolah menengah adalah berada pada tahap yang rendah, manakala tahap faktor persekitaran GPI terhadap pelaksanaan PT sekolah menengah pula adalah berada pada tahap yang rendah secara keseluruhannya. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa hipotesis tersebut telah gagal ditolak dalam kajian ini.

Jadual 6: Hasil analisis korelasi

	Kesediaan GPI	Interpretasi r
r	Sig.P	
Pengalaman Mengajar	0.37	0.58
Beban tugas	0.06	0.92
Sumber bahan	-1.10	0.10

PERBINCANGAN

Kajian ini dilakukan dengan tujuan untuk mengenal pasti tahap kesediaan Guru Pendidikan Islam (GPI) dalam aspek pengetahuan dan kemahiran, serta untuk menilai tahap faktor persekitaran dan hubungan antara pengalaman mengajar dengan faktor persekitaran. Kajian ini penting dalam mengukur kedalaman pengetahuan GPI berkaitan pelaksanaan PT dalam pengajaran Pendidikan Islam. Hasil kajian menunjukkan tahap pengetahuan GPI terhadap pelaksanaan PT berada pada tahap yang tinggi. Penerimaan positif daripada kalangan guru terhadap penggunaan PT dengan lebih mendalam memberikan dorongan motivasi kepada mereka untuk mengaplikasikannya dengan efektif di dalam bilik darjah. Dapatan ini selari dengan hasil kajian yang dilakukan oleh Daniel (2020) dalam konteks guru Bahasa Melayu, yang juga mencerminkan respons positif terhadap pembelajaran dan penguasaan konsep Pedagogi Terbeza (Differentiated Pedagogy). Kesimpulannya, hasil kajian ini memberikan gambaran jelas mengenai tahap persediaan dan penerimaan GPI terhadap PT, yang dapat memberikan sambutan positif terhadap pelaksanaannya dalam pengajaran di bilik darjah.

Guru-guru tidak hanya memberi perhatian kepada keperluan kepelbagaian murid dalam bilik darjah, tetapi juga turut menyusun bahan pembelajaran yang sesuai dengan tahap perkembangan murid. Dalam konteks ini, kajian oleh Hamir & Mohamad Hilmi (2019) menekankan perlunya guru memperhatikan kepelbagaian murid, kerana keprihatinan terhadap perbezaan ini akan mendorong murid untuk mengambil bahagian secara aktif dalam proses pengajaran dan pembelajaran, serta mencapai objektif pembelajaran yang diinginkan. Kajian lain menyatakan bahawa guru-guru di sekolah rendah memberikan penekanan tertinggi kepada tahap kesediaan murid, diikuti oleh minat, dan seterusnya, gaya pembelajaran murid. Kesediaan murid di sini merujuk kepada pengetahuan yang telah dimilikinya dan tahap penguasaan yang telah dicapainya (Mohd Ayub Bakri & Zamri Mahamod, 2023). Pendekatan ini memberi tumpuan kepada pengetahuan dan meraikan terhadap kepelbagaian individu murid, memastikan penyediaan bahan pembelajaran yang relevan dan bersesuaian dengan keperluan mereka.

Namun demikian, terdapat juga kajian yang mengatakan tahap pengetahuan pelaksanaan Pendekatan Terbeza masih berada di tahap sederhana. Kajian oleh Safiek Mokhlis (2021) menjelaskan bahawa guru-guru menyedari kepentingan Pendekatan Terbeza dalam pengajaran, namun pendekatan ini kurang dilaksanakan. Ini adalah disebabkan guru mengalami kekangan masa menggunakan pendekatan terbeza dalam PdPc. Pendekatan terbeza memerlukan guru memberi kefahaman dan perlu mengulang beberapa kali topik tertentu hingga terpaksa mengambil masa guru lain (Mohd Ayub Bakri dan Zamri Mahamod, 2023). Maka dengan demikian, pendekatan terbeza ini perlu diperkasakan agar kepelbagaian tahap murid dapat diraikan. Sejarar dengan kajian oleh Zamri & Anita (2020), kepelbagaian murid perlu diambil kira daripada pelbagai aspek seperti tingkah laku, kognitif, emosi, fizikal dan sosial. Dengan demikian, dapat membantu guru menjadi lebih kreatif dan berdedikasi serta memberi ruang murid dalam menyerlahkan bakat dan kreativiti sepanjang PdP dijalankan.

Demikian juga, pengetahuan objektif pelaksanaan Pendekatan Terbeza dalam kajian ini berada pada tahap yang tinggi. Hal ini berlaku disebabkan guru-guru tahu bahawa dengan mempertimbangkan kepelbagaian tahap murid dalam perancangan objektif pengajaran akan menjelmakan keadilan tanpa berlakunya keciciran kepada kepelbagaian keupayaan murid. Kenyataan ini selari dengan dapatan daripada kajian Zurina Mustaffa, Zaharah Hussin & Sulaiman, A.M (2022). Fakta ini juga mencerminkan pendekatan yang menghargai dan memastikan adanya keadilan dalam memperoleh kefahaman terhadap pelajaran yang diajar oleh guru, tanpa mengabaikan prestasi atau keupayaan murid, sama ada mereka yang cemerlang, sederhana, atau lemah. Ini kerana setiap murid berhak mendapat pendidikan seperti dalam kenyataan Husin et al. (2023), setiap individu mempunyai hak yang sama terhadap peluang pendidikan, termasuk mereka yang mempunyai ketidakupayaan.

Walau bagaimanapun, kajian menunjukkan bahawa pengetahuan objektif guru dalam melaksanakan PT masih berada pada tahap yang rendah. Keadaan ini berpunca daripada kurangnya pendedahan guru terhadap langkah-langkah yang terperinci berkaitan dengan pelaksanaan PT. Menurut Mohd Izani Hashim & Wan Muna Ruzanna Wan Mohamad (2020), tiada kursus yang disusun untuk melatih guru dalam mengatasi cabaran yang berkaitan dengan kelas bercampur. Tambahan pula, dasar sekolah dalam melaksanakan pendekatan ini sering kali dilakukan semata-mata atas arahan pihak atasan tanpa sokongan yang sepenuhnya daripada warga sekolah. Keadaan ini turut dipengaruhi oleh sikap guru yang kurang bersungguh-sungguh untuk mendapatkan maklumat berkaitan dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM). Terdapat kes guru yang tidak pernah membaca blueprint PPPM, di mana dokumen tersebut sering hanya dianggap sebagai hiasan di rak pejabat (Mohd Izani Hashim dan Wan Muna Ruzanna Wan Mohamad, 2020). Oleh itu, kesimpulan yang dapat disimpulkan ialah perlunya mengubah mentaliti guru agar mereka lebih dinamik, mampu menerima perubahan, dan menjadi guru yang proaktif dan progresif.

Demikian juga, hasil dapatan kemahiran pelaksanaan PT menunjukkan tahap yang tinggi. Hasil kajian menunjukkan guru mahir mengawal penglibatan murid berdasarkan pengajaran yang mengambil kira kepelbagaian tahap murid. Kajian ini senada dengan kajian Ain Nur (2021). Keadaan ini menjelaskan bahawa guru sememangnya telah mahir menggunakan kaedah ini, namun jarang sekali digunakannya. Guru juga mempunyai kreativiti tersendiri dalam menarik minat penglibatan murid semasa PdPc. Strategi dan teknik yang

dipilih bukan sahaja berpotensi untuk merangsang penglibatan aktif pelajar, tetapi juga seharusnya mampu menganalisis konsep atau idea dengan cekap, menarik minat pelajar, dan menghasilkan pembelajaran yang bermakna (Amirul Anwar Bin Mohd Shafie, 2020). Prestasi cemerlang pelajar amat bergantung kepada pendekatan pengajaran yang diterapkan oleh guru, terutamanya di kalangan pelajar yang memiliki kepelbagaian daripada pelbagai aspek. Oleh itu, guru perlu bersikap kreatif dalam merancang pengajaran yang bersifat berbeza untuk menyesuaikan dengan tahap dan kecenderungan pelajar dalam kelas.

Selain itu, hasil kajian menunjukkan kemahiran pertimbangan profesional juga mencapai tahap yang tinggi. Berdasarkan pengalaman mengajar, guru mampu mengenal pasti dengan tepat kekuatan dan potensi yang dimiliki oleh murid. Guru-guru yang telah melibatkan diri dalam proses pengajaran lebih daripada tujuh tahun lebih cenderung untuk memiliki keyakinan yang tinggi dalam hal penglibatan murid, strategi pengajaran, dan pengurusan bilik darjah. Selanjutnya, guru yang memiliki pengalaman mengajar selama lebih daripada 15 tahun juga memiliki keahlian dalam mengemukakan pertanyaan berdasarkan kepada tahap keupayaan individu murid (Safiek Mokhlis, 2021). Walau bagaimanapun, terdapat kajian yang menyatakan bahawa tempoh pengalaman mengajar guru tidak secara langsung mempengaruhi kemahiran guru dalam menilai murid. Pengalaman mengajar dalam konteks murid yang menghadapi masalah pembelajaran dapat mempengaruhi pengetahuan guru mengenai ciri-ciri masalah pembelajaran.

Selain itu, faktor persekitaran beban tugas juga menunjukkan hasil dapatan yang tinggi. Guru-guru mengemukakan bahawa penyediaan dokumentasi berkaitan pengurusan adalah satu tugas yang sangat memberatkan. Kesediaan guru terjejas oleh pelbagai kekangan, termasuk beban tugas semasa sesi pengajaran berlangsung. Faktor beban tugas guru dan ketidaksempurnaan kesediaan guru turut memberikan impak negatif terhadap pelaksanaan PT, menyebabkan tidak konsisten dan kurang berkesan dalam pengajaran (Ayub Bakri dan Zamri Mahamod, 2023). Bagaimanapun, bagi guru yang proaktif terhadap tanggungjawab mereka, mereka akan membuat perancangan awal terhadap sesi pengajaran mereka. Pendekatan ini membantu guru merancang dengan lebih sistematik dan apabila pengiliran ditetapkan, akan membantu mengurangkan beban tugas yang sedang dihadapi oleh guru. PT yang menitikberatkan pada perancangan yang berfokus dan sensitif terhadap perbezaan murid di dalam kelas, menuntut guru untuk mengenali dan memahami kecenderungan serta keupayaan setiap murid dengan rapi agar proses pembelajaran dapat dirancang secara sesuai (Zuraidah Abdul et al., 2023).

Oleh itu, bagi memastikan keberlangsungan pelaksanaan PT sebagai satu amalan dalam kalangan Guru Pendidikan Islam (GPI), pendedahan terhadap langkah-langkah pelaksanaan yang lebih terperinci diperlukan, dengan mengambil kira beban tugas yang dihadapi oleh guru (Ain Nur, 2021). Ini selari dengan pandangan yang menyokong bahawa faktor beban tugas menyebabkan kurangnya kesediaan guru dalam melaksanakan PT di Kemaman, Terengganu. Kesimpulannya, beban tugas memainkan peranan penting dalam mempengaruhi kesediaan guru dalam pelaksanaan PT, kerana pendekatan ini menuntut guru untuk menguruskan masa dengan cermat dan membuat persediaan awal bagi memastikan sesi pengajaran dan pembelajaran, serta penilaian secara berbeza berjalan dengan lancar.

Begitu juga dengan aspek sumber bahan, dapatkan menunjukkan tahap yang tinggi iaitu responden bersetuju bahawa dengan mempelbagaikan bahan mengajar, ia dapat meningkatkan prestasi setiap murid yang pelbagai di dalam sesebuah kelas. Guru sebagai agen penyampai maklumat kepada murid perlu menitikberatkan sumber bahan yang hendak digunakan. Ini adalah kerana penggunaan alat bantu mengajar (ABM) adalah amat penting dalam proses PdPc bagi menarik minat murid serta meningkatkan prestasi murid (Noorazman et al., 2021). Selain itu, dengan menggunakan ABM yang betul, praktikal dan berinovasi akan dapat meningkatkan lagi pengetahuan dan kefahaman pelajar-pelajar. Selanjutnya, guru-guru juga dapat menyampaikan idea-idea yang bernalas serta lebih berkesan terhadap PdP (Noorazman Abd Samad et al., 2021).

IMPLIKASI KAJIAN

PT bukanlah suatu konsep yang baharu dalam bidang pendidikan, baik di peringkat kebangsaan maupun antarabangsa. Hasil penemuan menunjukkan adanya beberapa kelebihan yang signifikan untuk pihak Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pusat Pendidikan Daerah (PPD), Institut Pendidikan Guru (IPG), dan Universiti. JPN, khususnya di wilayah Persekutuan, dapat mengambil langkah untuk membina modul atau panduan yang dapat menjadi rujukan bagi guru dalam menghadapi kepelbagaian di dalam bilik darjah. Di samping itu, bagi pihak PPD, penemuan kajian menunjukkan minat positif guru-guru Pendidikan Islam terhadap kemahiran melaksanakan PT, menandakan usaha yang positif untuk meningkatkan kualiti pengajaran mereka. Oleh itu, maklumat daripada kajian ini sepatutnya dimanfaatkan oleh PPD untuk merancang bengkel, kursus, dan latihan yang dapat diberikan kepada guru-guru Pendidikan Islam. Di sisi lain, IPG dan Universiti juga dapat memanfaatkan hasil kajian ini dalam menyusun kurikulum pendidikan guru. Pusat latihan guru ini adalah tempat penting untuk membentuk generasi pendidik yang mampu menghadapi cabaran pendidikan pada masa depan. Guru pelatih perlu diberi pendedahan dan latihan mengenai pengetahuan dan kemahiran dalam PT sebagai salah satu aspek penting dalam kemahiran pengajaran abad ke-21. Oleh itu, penting untuk menyelitkan elemen pendekatan pengajaran berbeza dalam kurikulum pendidikan guru di IPG dan Universiti, sehingga mereka dapat mengaplikasikannya dengan cekap ketika bertugas di sekolah.

KESIMPULAN

Pendekatan Terbeza telah lama diperkenalkan dan dianggap sebagai salah satu pendekatan yang disyorkan kepada guru untuk memastikan keadilan bagi semua murid di negara ini. PT merangkumi strategi pembelajaran yang menghargai kepelbagaian dan perbezaan di kalangan murid daripada pelbagai perspektif. Hasil kajian menunjukkan bahawa aspek-aspek yang diukur iaitu aspek pengetahuan PT mencapai tahap yang tinggi. Demikian juga dengan tahap faktor persekitaran turut mencapai tahap tinggi. Keadaan ini mencerminkan motivasi dan usaha yang tinggi daripada pihak guru dalam melaksanakan PT, walaupun berhadapan dengan pelbagai cabaran. Secara keseluruhan, PT merupakan satu alat yang signifikan dalam meningkatkan pencapaian dan motivasi murid. Oleh itu, peranan guru menjadi amat penting

dalam memastikan pelaksanaan yang efektif dan cekap daripada PT demi mengembangkan potensi murid yang beraneka ragam. Oleh itu, semua pihak perlu menyokong usaha dan peranan guru. Pengkaji ingin mencadangkan kajian yang lebih mendalam tentang peranan pihak pentadbir dalam memperkasakan pelaksanaan PT dalam meningkatkan kualiti pengajaran Guru Pendidikan Islam sekolah menengah memandangkan terdapat guru yang masih tidak mengamalkannya di dalam sesi PdPc atas faktor kurang pengetahuan mengenainya.

RUJUKAN

- Abdul, M, D.A.(2020). Pelaksanaan pendekatan pengajaran terbeza dalam kalangan guru Bahasa Melayu yang mengajar di sekolah rendah pedalaman Kategori 3. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 10(November), 29-42.
- Abdul, Z., Zulkifli, H., & Mahamod, Z. (2023). Empowering the implementation of different pedagogy in the teaching of faith: Memperkasakan pelaksanaan pedagogi terbeza dalam pengajaran akidah. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 16(1),11-21. <https://doi.org/10.37134/bitara.vol16.22.1.2024>
- Abu, B. N. (2023). Penolong Pengarah. Sektor perancangan Data Makro Pendidikan. Bahagian Perancangan dan penyelidikan Dasar Pendidikan. Putrajaya. (26.12.2023)
- Agus, A.N.A (2021). Tahap pengetahuan dan kesediaan guru bahasa melayu dalam melaksanakan pendekatan terbeza dalam pengajaran dan pembelajaran di rumah semasa tempoh perintah kawalan pergerakan. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu - JPB*. 11(1): 75-87
- Ahmad, Sani & Nawi, Nina Diana & Abdul Ghani, Diyana. (2023). *Mengatasi Masalah Kekurangan Bahan Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Khas*. laman web (Portal). 10.13140/RG.2.2.14011.49448.
- Amirul Anwar Mohd Shafie, 2020. Memperkasakan kreativiti guru dalam pendidikan stem pra sekolah. *Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan* ke-5 (PASAK5 2020)
- Ayub Bakri & Zamri Mahamod. 2023. meneroka pengetahuan, kefahaman dan cabaran guru pendidikan khas yang mengajarkan bahasa melayu kepada murid khas (masalah pembelajaran) menggunakan pendekatan Pengajaran Terbeza. *International Journal of Education and Pedagogy*, 5(2): 27-45
- Bahagian Pembangunan Kurikulum. (2018). *Dokumen Standard Kurikulum Dan Pentaksiran Pendidikan Islam Tahun 4*. In Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- George, .GG., & Mohamad, N.(2021). Pendekatan Pengajaran Terbeza: Pengetahuan dan Amalan Guru Kelas Bercantum di Sekolah Kurang Murid (Kajian Literatur Sistematik). *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(2), 484-494.

- Husin, Mohd & Rahmat, Aeidah & Rosle, Afina & Hassan, Fairuz & Nawi, Farah & Abiraham, Melisa & Rahman, Noorshaqilah & Razman, Nurul & Khairulanuar, Nur & Basari, Nur & Suhaili, Umi & Malik, Siti. (2023). Strategi dan Teknik PdPc bagi Mengendalikan Murid Berkeperluan Khas Ketidakupayaan Pendengaran dalam Pendidikan Inklusif. *Journal of Humanities and Social Sciences (JHASS)*. 5. 75-87.
- Jaafar, H. H., & Mat Said, M. H. (2019). Inovasi Pengajaran Untuk Menarik Minat Pelajar Menguasai Ilmu Tajwid. *International Journal of Humanities Technology and Civilization*, 1, 8-17.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2018b). *Laporan tahunan 2018: Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*. Kementerian Pendidikan Malaysia, 1-96.
- Krejcie RV, Morgan D.W. (1970). Determining sample size for research activities. *Educ Psychol Meas*.
- Micheal, J., & Mahamod, Z. (2023). Amalan dan Masalah Pendekatan Pengajaran Terbeza Berpandukan MoLIB oleh Guru Bahasa Melayu Sekolah Rendah Kebangsaan. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 5(1),1-13
- Mohd Izani Hashim dan Wan Muna Ruzanna Wan Mohamad (2020) Faktor Ketidaksediaan Guru Terhadap Pelaksanaan Kelas Bercampur Aras Murid. *Jurnal Dunia Pendidikan*. 2, (2):196-204. <http://myjms.moe.gov.my/index.php/jdpd>.
- Mustaffa, Z., Hussin, Z., & Sulaiman, A.M.(2021). Kaedah Pengajaran Pedagogi Terbeza dalam konteks gaya belajar dan keadilan kepada murid: Pemikiran Imam Ibn Sahnun Different Instruction teaching methods in the context of learning style and justice to pupils: The thoughts of Imam Ibn Sahnun, 11(2),86-96
- Mustaffa, Z., Hussin, Z., & Sulaiman, A.M.(2022). Reka Bentuk Pembangunan Model Pedagogi Terbeza Berasaskan Elemen Kandungan Pelajaran Tilawah Al-Quran Sekolah Rendah di Malaysia: Pendekatan Fuzzy Delphi. *Sains Insani*, 07(1):61-70
- Noorazman Abd Samad, Wan Mohd Rashid Wan Ahmad, Hairuddin Harun, Mohd Hasril Amiruddin, Suhaizal Hashim dan Faizah Ja'apar. (2021). Bahan bantu mengajar (BBM) dalam pengajaran dan pembelajaran (P&P) di sekolah menengah kebangsaan. <https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/PERS/article/download/3466/2752/17266>
- Safiek Mokhlis. 2021. Persepsi dan Pelaksanaan pendekatan pengajaran terbeza dalam kalangan guru prasekolah: satu tinjauan awal. *Borneo International Journal*. 4(3): 9-18.
- Tomlinson, Carol Ann. (1999). *The differentiated classroom, responding to the needs of all learners*. <http://www.ascd.org>
- Voon, S.H. & Amran, M.S. (2021). Pengaplikasian Teori Pembelajaran Konstruktivisme Dalam Pembelajaran Matematik: Application of Constructivism Learning Theory in Mathematical Learning. *Sains Insani*, 6(2). <https://doi.org/10.33102/sainsinsani.vol6.no2.285>
- Zamri Mahamod & Anita Abdul Rahman. 2020. COVID-19: Impak dalam pengajaran dan pembelajaran. Dlm. Zamri Mahamod & Anita Abdul Rahman. (Pnyt.) *Sistem Pendidikan di Malaysia: Sejarah dan Cabaran Abad Ke-21*, 449-486. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia
- Zamri Mahamod, Ruslin Amir & Mohamed Amin Embi. 2015. *Kepelbagaiuan Pelajar dan Perbezaan Pembelajaran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.